

UMAT ISLAM, TANAH AIR DAN KEDAULATAN AGAMA

SUMBANGAN KEPADA MUSLIMIN DI TANAH AIR

“Tidak ada erinya kita hidup di dalam sebuah Negara di mana ada sisa-sisa penjajahan itu berakar, kebudayaan yang merosakkan, dan cara berfikir yang terang-terang berbau penjajahan...” Demikian kata penulis makalah ini antara lain. – P. Q.

(Oleh: Johari Ahmad)



Suatu soal yang hangat diperbincangkan sekarang, soal mana yang tak menyimpang sedikit pun dari dasar peri kemanusiaan ialah: Kemerdekaan.

Kemerdekaan sebagai “dewi” kecintaan manusia, yang dipuja dan ditebus dengan apa sahaja, diperjuang dengan semua-semua alat yang ada, walaupun untuk itu darah mengalir ke bumi, dan “jiwa” melayang dari jasad.

Demikianlah dalam sejarah hidup manusia dan peri kemanusiaan itu kita perhati, dan demikianlah sejarah “kemerdekaan” itu berulang dari satu umat kepada satu umat yang lain, satu angkatan kepada satu angkatan yang lain.

Dan tanah air tanah air kita, tanah pusaka yang kita warisi sebagai “anugerah” Tuhan, sekarang ini menghadapi zaman peralihannya – riak-riak gelombang – dan – detik-detik kejadian setiap hari memberi kesan ke dalam jiwa kita betapa kini “tanah air” itu.

Semua orang, sedari kecil hingga besar haruslah bertanggungjawab kepadanya, dan memang dasar “hukum budi” meminta adanya tanggungjawab itu terlaksana dan dilaksana, kerana sejauh mana tanah air itu akan terpelihara, sejauh mana kedaulatannya akan terjamin, sejauh mana dasar-dasar keadilan akan berjalan, itu semua adalah mengikut dan terletak kepada sejauh mana rakyat itu menunaikan tugasnya, berfikir, bekerja dan melaksanakan kewajipan-kewajipan.

Dan umat Islam???

Umat Islam, adalah wajib buat mereka memandang tanah air ini dengan penuh saksama, dan pandangan seorang “Muslim” kepada tanah airnya, bukanlah pandangan seorang “nasionalis” yang hanya memandang tanah air itu sebagai

alat untuk menuju kepada kebahagiaan “duniawi” daripada kemakmuran hidup, keadilan sosial, dan sebagainya lagi; pandangan seorang Muslim kepada tanah airnya bukanlah pula pandangan seorang “komunis” yang dalam segala teorinya menjadikan tanah air itu sebagai “kuda tunggangan” menuju kepada perkembangan “komunism” sejagat di atas dasar: tidak ada hak perseorangan, semua harus tunduk kepada satu: kepada dustur-dustur asasi yang disusun oleh Karl Marx.

Pandangan Muslim kepada tanah airnya bukanlah pandangan seorang sosialis yang hanya berhasrat untuk melenyapkan keburukan kemiskinan, dan membangun satu dasar hidup bersamaan semata, tetapi sebenarnya pandangan hidup seorang muslim terhadap tanah airnya adalah pandangan seorang “Mukmin” yang mengakui dan menerima dengan sesungguhnya bahawa tanah air ini adalah hak mutlak Tuhan, kita diberi “amanah” keizinan oleh Tuhan menjaga tanah air itu, dan menggunakannya sebagai “alat” untuk menuju keredaannya semata dalam dasar: Hidup bahagia di dunia, dan hidup bahagia pula di akhirat.

Pandangan hidup kita terhadap tanah air kita-bukanlah sekadar pandangan hidup yang “dangkal”, di dalam dasar bahawa kalau kita umpamanya mencintai tanah air kita – bukan hanya “zat” tanah air itu menjadi “objektif” kita.

Kalau kita ditanya orang, apakah saudara mencintai tanah air ini? Jawab kita: Tentu sahaja kami mencintai tanah air ini sebab ini adalah anugerah Tuhan, dan agama kami pun menyuruh berbuat begitu, tetapi – demikian tegas kita lagi – dasar kecintaan kami kepada tanah air ini bukan setakat memandang “zat” tanah air itu semata-mata, tetapi langsung kepada siapa yang mencipta tanah air itu

dengan sebaik-baik ciptaan, dan menganugerahkan kepada kami melalui nenek moyang dahulu kala.

Pandangan hidup kita kepada tanah air kita ialah: Bahawa kita ingin menjadikan tanah air kita ini, bukan semata sebagai “syurga” di dunia, tetapi adalah pula menjadi “wasilah” menuju jaya di negeri akhirat, kita ingin menjadikan tanah air itu sebagai satu negara cetusan al-Qurān: *Baldatun tayyibatun wa rabbun ghafūr*. Negara bahagia, dan limpah kurnia Tuhan Maha Pengampun.

Kita ingin menjadikan golongan kita di persada ini – sebagai satu golongan manusia yang mempunyai dua tali, dasar asasi pegangan yang kukuh: Kekuatan perhubungan manusia sesama manusia, dan kekuatan perhubungan manusia dengan TuhanNya, kerana dengan tidak adanya dua dasar ini, kita akhirnya menemui kegagalan dan kehancuran semata-mata.

Duribat ‘alaih al-dhillatu aynamā thuqifū ‘illa bi ḥabli mina Allāhi wa ḥabli mina al-nās – al-Ayat.

Kita kemukakan ini di tengah-tengah umat Islam sekarang, kerana dengan penuh perhatian kita memerhati bahawa sebilangan besar dari masyarakat umat Islam di tanah air kita ini, hanya memandang bahawa perjuangan mengembalikan tanah air dari penjajahan sudahlah merupakan suatu usaha yang tertumpu, sedangkan bukanlah dianya “tujuan”, tujuan terakhir: Keredaan Tuhan! Kita kemukakan ini pula di tengah-tengah masyarakat kaum “Muslimin “ dengan harapan – bahawa janganlah mereka hendaknya sampai “gila” memuja dan memfoya-foyakan kemerdekaan tanah air itu – Sebagai satu usaha yang sudah terakhir yang harus diselenggarakan. Tidak! Kerana bukanlah kemerdekaan itu kecuali sebagai alat semata, dan tanah air ini hanyalah merupakan satu “wadah” (tempat- P.) untuk diisi dan dipenuhi...menuju kepada hidup yang lebih bernilai!

Izinkanlah saya kemukakan kepada golongan umat Islam, golongan yang saya cintai, kalaulah boleh untuk dikenakan bahawa perjuangan merebut “tanah air” sekarang yang dilaksanakan oleh bapa-bapa pemimpin kita itu satu “revolusi”, kita umat Islam adalah yakin bahawa revolusi itu belumlah selesai setakat kemerdekaan kita capai, atau, kalaulah apa yang sedang dilaksanakan itu satu hakikat “ilusi” satu perjuangan yang memakai jangka dan rancangan yang teratur dan susunan yang rapi, maka kita umat Islam “ilusi” itu tidaklah pula tempat setakat tanah air kita mendapat kedaulatannya, kerana selain dari kepercayaan kita sebagai umat Islam bahawa kemerdekaan itu bukanlah “matlamat” tetapi “alat” ada banyak hal dan perkara di tanah air kita sendiri daripada “sisa-sisa” penjajahan yang harus dibasmikan, kita tidak mempercayai bahawa wujudnya penjajahan itu sekadar penjajahan jasmani, penjajahan lahir semata, tetapi juga penjajahan otak, jiwa, rohani, bahkan penjajahan inilah sebesar-besar penjajahan (*al-Isti ‘mārā al- ‘Aqlā*).

Tidak ada ertinya kita hidup di dalam sebuah negara di mana ada sisa-sisa penjajahan itu berakar, kebudayaan yang merosakkan, dan cara berfikir yang terang-terang berbau penjajahan! Apatah lagi setelah kita menyaksikan dengan nyatanya bahawa “moral” budaya yang harus menjadi “jiwa” masyarakat kita sama sekali tidak ada dan tumbuh berkembang!

*

Izinkanlah saya mengemukakan lagi kepada golongan sebaya, golongan muslimin yang saya cintai sebagai putera dari golongan itu, bahawa kita selama-lamanya mempunyai dan harus menyalakan api revolusi itu, pengertian revolusi buat kita bukanlah “penumpahan

darah kekerasan” tidak! Islam mengharamkan sikap “gila” demikian, bukan itu tujuan revolusi yang hakiki, revolusi Islam terdiri dalam dua perkataan sakti: “Revolusi Jiwa” (*al-Thūrat al- ‘Ādabiyah*), di dalam dasar” membasmi dasar pandangan hidup dan falsafah hidup yang penuh bernoda, hidup syurga, dan sifat-sifat “nifāq” sesama kita dahulu terutamanya. Satu revolusi jiwa yang menyusun dan membangunkan satu falsafah hidup yang boleh bertuhankan “Allah Yang Maha Esa” bukanlah menjadi hamba dari “kebendaan” semata. Kebendaan adalah alat bukan matlamat, lebih jauh revolusi ini adalah menggulingkan keseluruhan bantuk “perhambaan” di dalam corak apa sahaja, walaupun kadang-kadang bentuk perhambaan itu dikendalikan oleh “golongan awak” sesama awak sendiri!!

Revolusi ini bukan disusun oleh kita sesama kita, bukan suatu hakikat revolusi yang disusun oleh Sukarno, dan kemudian menularkan “Pancasila” yang lima!, Bukan! Bukan disusun oleh Lincoln (1774-1783) yang bersemboyan: “*Let Freedom Reigns*” Biarlah kemerdekaan berlaku, bukan pula sekadar revolusi Perancis yang menghasilkan dasar tiga serangkai: Merdeka, Persamaan, dan Persaudaraan, apatah lagi – Revolusi yang diciptakan oleh manusia berkepala botak, manusia lemah seperti kita: “Marx” yang bersemboyan: “Seluruh perjalanan hidup di dunia ini ialah ranti perjuangan kelas yang sombong menyombong... antara manusia proliter dan kaum feodal!”

Tetapi, revolusi ini adalah revolusi “ketuhanan” yang dipimpin oleh manusia utama, yang menerima “interaksi” langsung dari

pencipta “alam” ini melalui kitab suci

“al-Qurān” dan keseluruhan dari tujuannya”

: Menyusun perhubungan dunia akhirat.

: Mengatur satu dasar “harmoni” antara
bumi dan langit.

Perjuangannya: Berjuang memperbaiki dan membina satu masyarakat, dengan jalan memperbaiki tiap-tiap perseorangan masyarakat itu, membina keadaan lahir dan batinnya, membina jasmani dan rohaninya membangun hidup berjemaah, dalam dasar persaudaraan, menolak, menentang dan mencabar wujudnya sistem perpisahan dan pertentangan sama sendiri, serta peperangan golongan, dalam menuju hidup di dunia dan bahagia di akhirat.

*

Sekarang timbullah pertanyaan, siapakah pendokong-pendokong pekerjaan besar ini? Jawab kita: Semua pejuang Muslim, siapakah gerangan pejuang Muslim? Ialah semua manusia yang mengakui baiknya tujuan pekerjaan ini, dan ideologi di dalamnya, dia meyakini tujuan revolusi itu sampai ke akar (dasar) hatinya, bukan setakat “lidahnya”, dia meyakini bahawa antara dia, kehidupannya, dan “ideologi” pegangannya tidaklah dapat dipisahkan, agama dan tanah air adalah satu! Bukan agama di lain pihak, dan negara di lain pihak, dia tidak kenal perkataan: Soal tanah air soal bersama, soal agama soal perseorangan (*al-Dawlah li al-jamī‘i wa al-dīni li al-fardi*).

Dia tidak kenal teori perpisahan hidup beragama dari jemaah, “Jamā‘ah Muslimīn”- di dalam pandangannya haruslah merupakan satu jemaah yang benar-benar berakar tunjang kepada dasar perhubungan mesra sesamanya, dan perhubungan mesra dengan “khāliqnya”.

Jiwanya pejal, kuat dan tabah, dan otaknya bersinar

hikmah, pada siang hari dari bekerja, berjuang dan melaksana, pada malam hari dia berbakti, masjid baginya merupakan tempat “ibadat” tetapi juga tempat dia memutuskan soal-soal hidup seharian, bukanlah masjid baginya merupakan bangunan yang kosong yang tidak ada “ertinya” dan al-Qurān bukanlah suatu aksara, suatu rumus, suatu ayat yang tidak ada pengertian....

Seorang pejuang Muslim ialah “‘ābid” tetapi juga seorang “‘āmil” manusia berbakti, tetapi juga manusia bekerja, jiwanya kuat akalnya terang, kalau dia seorang “‘ālīm” tidaklah perbahasannya sekadar terlingkung dalam dapu ilmu fiqh tetapi langsung sampai ke muara pelajaran-pelajaran baharu sekarang, sekejap dia berpidato di atas mimbar, tetapi sekejap pula dia berada di dewan parlimen!

Sekejap dia merupakan seorang “kiyai” tetapi sekejap lagi kelihatanlah dia bersikap sajak sebagai manusia yang mempunyai watak dan bakat!

Pernah dia terbang ke alam “rohani” yang mengalun tinggi, sampai ke alam falsafah, dan arasy di dakinya, sampai ke alam “tasawuf” dia berkelana, tetapi pernah pula dia merayap ke bumi, dan bersikap “kesatria” pahlawan jantan, yang digerun kawan dan lawan di atas muka bumi Tuhan ini.

Sebenarnya umat Islam bersalahan dalam memilih siapakah “mujahid Islam” itu, garisan besarnya terbahagi kepada dua bahagian:

Pertama: Ada golongan orang Islam yang jumud, golongan yang beku otaknya dan cara berfikirnya, golongan mana yang hanya asyik memandang kepada hutan belukar “taksubnya”, dan berenang dalam tasik lama, yang keruh airnya, memandang bahawa mujahid Islam yang sebenarnya ialah manusia yang saban hari berlingkar di atas tikar sembahyang

- sambungan pada muka 31

sambungan dari muka 17

semata-mata, dengan tali tasbih yang panjang, jubba yang meleret, janggut panjang sehasta, serban, serban kuning pusaka nenek yang sudah lapuk, beku dalam segenap hal, fanatik dalam segenap ketika, sempit dada, lebih tegasnya mereka berpendapat bahawa pejuang Islam itu ialah “ulama-ulama ortodoks” yang amat kita benci.....

Kedua: Satu golongan lain dari umat Islam, yang terang akalnya, oleh kerana mendapat suluhan fikiran baharu sekarang (intelekt) yang saban hari asyik tenggelam dam serba teori, sains dan falsafah, banyak mementingkan akal daripada perassan, banyak mementingkan pertanyaan-pertanyaan: *Limādhā*, atau *lam wa lam wa limādhā*, daripada: *sami nā wa ‘atta nā*. Inilah kata mereka para pejuang Islam!

Kedua-dua puak ini tidaklah sampai kepada “had” perbatasan pejuang Islam yang sebenarnya, sebenarnya pejuang Islam itu ialah seorang pejuang yang benar-benar meresap keseluruhan dasar agamanya ke dalam jiwanya, dia mementingkan “akal”, pun dia mementingkan “jiwa”, sebab agama bukan akal semata tetapi juga jiwa, dan sebaliknya bukan jiwa semata tetapi juga akal! Seorang pejuang Islam adalah seorang yang mempunyai hubungan langsung dengan langit dengan alam ghaib, dan ada pula berhubung langsung dengan langit dengan alam hidup yang nyata.

Dalam sejarah Islam, contoh yang paling dekat dengan Paduka Junjungan ialah para sahabat empat serangkai!

“Seorang mujahid Muslim mempunyai api iman yang bernyala-nyala, dan kekuatan akal fikiran yang terang bercuaca “dia dalam keseluruhannya adalah manusia yang mempunyai nilai-nilai peribadi yang sihat dan baik!”

*

Mujahid Islam berjuang, di hadapan perjuangannya untuk menegakkan agamanya dia menghadapi soal yang besar

(di dalam tanah airnya sendiri, dia dengan tidak ragu-ragu mesti mengahdapi segala kenyataan-kenyataan yang berlaku daripada perkara-perkara yang harus dirubah dan harus pula dibangunkan.

Dihadapannya terbentang dengan nyata anasir-anasir yang menghambat perkembangan perjuangannya, lembab golongannya sendiri, jumus dan beku yang masih bertakhta, dan penyakit “nifāq” yang terang-terang ada diantara lipatan jiwa kaum Muslimin sebagai jendalu memakan pokok-pokok tanaman yang subur menghijau.

Dia terpaksa, dengan sikap yang sungguh-sungguh-berjuang menentang faham jumud golongannya, yang 90 peratus menganggap bahawa agama bukanlah suatu perkara yang mesti didaulatkan. 90 peratus dari golongannya adalah Muslimin “geografi”. Seorang Muslim begini ialah seorang Muslim yang menerima agama itu dari pengaruh alam sekaliannya, keturunannya, dan kehidupan nenek moyangnya, bukanlah “Islamnya” lahir dari hasil penyelidikan, perhatian, kajian, atau sekurang-kurangnya dia belajar sari ajaran dan maksud-maksud benar agama itu. Seorang begini adalah satu lantai yang reput bagi sebuah rumah, dan kesalan hingga menyebabkan perkara ini berlaku ialah oleh adanya beberapa faham yang ditaburkan oleh beberapa ulama di masa kemunduran Islam, bahawa: Ijtihad dan ittiqad, perbahasan dan kritik adalah tercela, haram!

Dia terpaksa menghidupkan roh ijtihad itu, dan perasaan ittiqad itu.

Kemudian dari rumah tangga masyarakatnya, banyak pula yang harus diperbaikinya, keburukan dalam hidup keluarga, berdisa, berkampung dan hidup berjemaah sekarang dalam hidup berjemaah tidak ada roh persaudaraan: Apa yang ada sekarang ialah sifat “Anāniyah”

rasa keakuan yang cukup tebal, tentu sahaja ini ditimbulkan oleh dasar penjajahan: Pecah-pecah kemudian perintah.

Hidup berjemaah tidak ada dalam golongan, “Muslimin” sekarang, sabda junjungan: “Orang Mukmin sesama orang Mukmin adalah laksana satu binaan yang mengutamakan satu juzuk dengan satu juzuk yang lain, ..: Atau orang mukmin dengan lainnya adalah seperti “badan” yang kalaulah sakit salah satu anggotanya, semuanya sekali anggota badan itu merasai sakit... itu semua ditukar dengan sabda nafsu: “Siapa kuat siapa menang, siapa lemah siapa kalah, siapa kaya siapa senang, siapa miskin hinalah dia, harga manusia kerana wangnya, bukanlah harganya kerana budinya, engkau sakit rasailah engkau, pedulikan aku, pedulikan aku!”

Perkara ini tentu ditimbulkan pula oleh pincangnya dasar pendidikan yang kita terima, anak si anu menerima corak begini, anak si polan begini, dan adik saya begini, sedangkan sang bapa sama-sama “Muslimin”, tetapi, aduhai apa nak dikata: “Jiwanya sudahlah berjauhan”!

Demikian golonganku!

Terpaksa dia menyusun sistem pendidikan itu, terpaksa dia berjuang mengembalikan masyarakatnya (kaum Muslimin) kepada suatu asas pendidikan yang satu, sihat, pendidikan Islam yang mempunyai cabang kepada: Pendidikan badan, pendidikan otak, dan pendidikan jiwa.

Kadang-kadang dia terpaksa menghentam ayahnya sendiri, ayahnya seorang “ulama ortodoks” seorang kiyai yang menjadi batu penghalang atau kemajuan berfikir dan bergerak, ayahnya tidak ingin melihat wujudnya perkembangan cita-cita ini, ayahnya benci melihat cahaya pagi di ufuk timur, sang suria yang memancarkan harapan, ayahnya

tidak gemarkan cahaya bulan, sang pertama yang mencetuskan hidup damai...ayahnya lebih suka tinggal di dalam gua primitif, yang penuh dengan serba kekolotan dan prasangka.

Dalam pada itu dia terpaksa menghentam dan melipat, dan melenyapkan, kalau boleh buangkan, dan campakkan ke dasar lautan, satu golongan yang merbahaya sekali di dalam gerakannya itu, iaitulah golongan: Munafik, musang berbulu ayam, yang manis di luar dan pahit di dalam, yang lurus di luar dan bengkok di dalam, golongan yang merupakan “Anṣār” di hadapan, bermati-matian mahu berjihad, tetapi di belakang masukkan pisau belati bermata dua kepada jantung pergerakannya dari dalam!!

Jiwa munafik di zaman Paduka Ayahanda Rasul, wahai umat Islam, akan tetap hidup hingga hari kiamat! Dia memasuki masyarakat Islam dengan tidak teras.

Di luar tanah air dia terpaksa menyusun beberapa susunan penting bagi pergerakannya itu, kalau perawi dia harus menyusun saut: Pan-Islami, yang berdasarkan kepada (antaranya):

: Berusaha melaksana pembebasan sesuatu golongannya golongan muslimin daripada tindasan penjajahan, demikian juga bangsa-bangsa lain. Penjajahan dalam segala erti kata yang luas!

Berusaha memberi sebaik-baiknya harapan dan keyakinan, menabur benih-benih iman, dan amal bakti, menanam sejauh mana yang dapat “ideology” agamanya ke dalam jiwa bangsa itu.

Berusaha menghubungkan tali mahabbah antara sesama negara Muslimin, dan mewujudkan satu barisan persatuan atau kesatuan gabungan negara-negara golongannya, sebagaimana yang

diisyaratkan Tuhan: Kamu adalah satu golongan umat!

Dengan apa pekerjaan ini digerakkan? Atau lebih tugasnya dengan apa seorang pejuang muslim melaksanakan cita-citanya? Dengan kekerasan? Tidak! Agamanya melarang kekerasan itu, Tuhan berkata: “Serulah dakwah Tuhan-Mu itu dengan baik dan bijaksana, dan tentangilah mereka dengan cara yang sebaiknya.” (*’Ud’u ilā sabīli rabbika bil hikmah wa al-maw’izatu al-ḥasanah- al-Ayat*).

Di dalam menggerakkan cita-citanya seorang pejuang Islam tidak seharusnya menyentuh hak-hak kepentingan orang lain, dia pun mesti mengutamakan kebebasan berfikir, bergerak, dia harus menempuh jalan lurus yang baik, kecualilah dia hendak dihentam sampai dia nanti tidak dapat bergerak lagi, tantu sahaja ketika itu perlawanan yang pasti, mesti dilakukan, tantu sahaja kuntum muda jiwanya yang meakung darah “syahid” akan tertumpah. Berkata Iqbal: “Engkaulah kuntum muda Islam itu”! Sampai di sini “persatuan” yang akan menyatukan barisan jemaahnya adalah perlu: Tetapi, sekali lagi ada tetapinya. Persatuan ini bukanlah sekadar memakai nama “persatuan” semata, isinya tidak ada, kosong melampung, tidak! Persatuan ini haruslah merupakan satu alat di mana dia dapat menyatukan seluruh kudrat dan tenaga kaum Muslimin, dia haruslah merupakan “pertubuhan” yang tangkas, yang sanggup menumpuh segala gelombang kejadian, sanggup bertindak dan sanggup bertanggungjawab dari tindakannya itu, kalau dia diserahkan tugas besar, dia dapat melaksanakan tugas itu! Dengan buatan, bukan dengan cakap di majlis mesyuarat!

Parti itu haruslah merupakan satu parti Islam yang benar-benar “dinamis”, ada nizām, ada roh

kesedaran bergerak, ada kemahuan bertindak, kecekapan menjadi jiwa pucuk pimpinannya, lebih tegas hendaklah dia memerhati dengan penuh waspada setiap arena perubahan politik kawan dan lawannya dan dia mengambil sikap yang teags dan jitu atas pandangannya itu.

Dia janganlah merupakan satu pertubuhan yang lemah, di mana tinggal beberapa “gelintir” manusia lemah yang tidak berdaya bermain catur, tidak! Tetapi hendaklah merupakan satu barisan yang kuat dipimpin oleh tenaga yang kuat dan segar. Kalau pemimpin itu tidak sanggup menjalankan tugas serahkan tugas itu kepada orang lain, asal cita-cita terlaksana!

Pemimpin-pemimpin kaum muslimin itu hendaklah benar-benar merupakan pemimpin-pemimpin yang dapat dipertanggungjawabkan, pemimpin-pemimpin yang ada “’irādah” kesanggupan untuk membuat rancangan, dan menciptakan rancangannya, hanya pemimpin-pemimpin beginilah akan kita terima dan kita serahkan komando perjuangan kita.

Kita amat berkehendak kepada para pemimpin yang tahu “nilai” kebolehan dan peribadi yang benar-benar hidup dan nyata, lebih jauh dari itu golongan muslimin berkehendakkan kepada para pemimpin yang jujur hingga dengan rela dia kadang-kadang mahu memeriksa dirinya sendiri bahawa sejauh mana kebolehan “saya” dan sejauh mana “aku” dapat bertindak melaksanakan tugas yang diserahkan oleh jemaah Muslimin itu kepada aku.

Dia tidak terperngaruh kepada apa yang dinamai “pangkat” tetapi dengan jujur dia ingin bersama rakyat dengan Tenaha yang ada padanya.

Kalau dia lemah dia mengaku kelemahannya, kalau dia kuat tidam pula keberatan dia untuk meminta lagi tenaga-tenaga muda, ’Anṣār para penolongnya, dia tidak bersikap “keras kepala” yang bukan-bukan, semua pekerjaannya adalah

dalam batas fikiran bersama.

Alangkah bahagia kita mendapat seorang pemimpin yang dapat kita banggakan kepada “dunia”, Abu Bakar, sahabat setia bagi baginda junjungan, yang terang-terang berkata: “Saya tidaklah lebih pandai daripada kamu, kalau saya” betul bantuilah saya, kalau saya salah betulkan saya.” Alangkah rendah hati Umar, ketika berkata: “Keluarga Umar tidaklah layak untuk menjabat jawatan khalifah”.....

Ketika Muslimin hendak menyerah tugas itu kepada anaknya.

Mereka tidak berkata: Kalau aku salah turutilah juga aku, tidak juga mereka berkata: Umat Islam, aku, sekali lagi aku!

Golongan muslimin!

Sekianlah sahaja garis-garis ringkas yang dapat saya kemukakan kepada masyarakat kaum muslimin sekarang demi saat mereka menghadapi kerja-kerja besar di tanah air yang

tercinta ini, dengan jujur dan ikhlas saya berkata

dan saya hanyalah putera Muslim, tak lebih dari itu, bahawa:

“Kalau umat Islam ingin melihat ideologi agamanya

hidup di persada ini, hidup subur, berdaun

rimbun, berbuah lebat, kemudian mereka berusaha ke arah

itu dengan sebenar-benarnya, tentulah “keinginan” itu akan

terserahlah juga, kerana sehabis-habis gelap, timbullah

terang, kerana: “Apabila datang fajar pagi, dan suria

menyinarkan cahayanya, umat Isla sudahlah bersedia untuk

bekerja, dan Tuhan menghargai pekerjaan itu, dia

membalasnya dengan sebaik-baik balasan, dan kerana: “Apabila

datang kebenaran, hapus ranaplah kebatilan, dan memang

kebatilan itu pasti hapus”...dan sampai

di sana kita semua tentulah akan bergembira, di sanalah

terbukti perkataan siapa yang berkata:- “*Wa yawma 'idhin yafrahu*

al-mu`minun” salam bahagia raya.

TELEPHONE
تلفون

Pelajaran Arab
Pelajaran Agama
Pelajaran Inggeris

Belajarlah dengan Pos

pelajaran agama	sebulan	\$3.00
pelajaran Arab	sebulan	\$3.00
pelajaran Inggeris	sebulan	\$3.00

pelajaran dengan pos tiap-tiap minggu
penuntut-penuntut baharu diterima
kirim wang terus kepada:-

tak payah kalau pergi sekolah
tuan boleh belajar di rumah sahaja

**YAHYA ARIFF 37 JALAN KANGSAR
KUALA KANGSAR**